Idris bin Adam lwn Felcra Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12NCVC (B)-44–5 TAHUN 2012
MARINA YAHYA H
22 SEPTEMBER 2013

Ganti rugi — Kemalangan jalan raya — Kuantum — Kecederaan — Rayuan — Cerebral concussion — Tiada impak kepada keseluruhan daya ingatan dan hidup perayu — Sama ada award RM20,000 dikekalkan — Upper cervical injury — Sama ada terdapat kepatahan atau perubahan tulang belakang — Sama ada award dikurangkan kepada RM15,000 — Kehilangan pendapatan — Sama ada penolakan boleh dibuat untuk kos sara hidup tanpa apa-apa bukti — Perayu lumpuh sementara kedua-dua belah kaki dan tangan — Perayu dijaga oleh isteri selama satu tahun — Sama ada kos penjagaan dibenarkan pada jumlah RM500 sebulan untuk 12 bulan

Prosedur Sivil — Pliding — Pihak-pihak terikat dengan — Pengecualian — Tuntutan ganti rugi bagi kemalangan — Pendapatan bulanan yang diplidkan RM400 sebulan — Sama ada mahkamah boleh mengambil pendapatan bulanan sebagai RM5,000 berdasarkan keterangan kes

Tort — Liabiliti — Kemalangan jalan raya — Rayuan — Cuai sumbang — Perayu gagal mengambil langkah munasabah dalam situasi kecemasan untuk mengelak kemalangan — Versi berbeza bagaimana kemalangan berlaku — Rujukan kepada keterangan senyap rajah kasar dan kunci — Rujukan kepada kerosakan dan kedudukan kenderaan — Sama ada versi perayu mengenai bagaimana kemalangan berlaku lebih berkemungkinan — Sama ada pembahagian liabiliti perayu 20% dan responden 80% dikekalkan

Kemalangan telah berlaku antara motorjip yang dipandu oleh responden kedua/defendan kedua (SD1) dengan motosikal yang ditunggang oleh perayu/plaintif. Responden yang berada di hadapan perayu telah membelok ke kiri dan dengan cuai dan secara tiba-tiba telah mengundurkan kenderaannya semula dan telah menghalang laluan perayu yang ingin meneruskan perjalanannya. Jarak di antara motosikal perayu dengan motorjip responden semasa responden mengundurkan motorjipnya adalah 15 kaki. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memutuskan responden bertanggungan cuai 80% dan perayu cuai sumbang 20% kepada kemalangan tersebut. Bagi kuantum, HMS telah memutuskan seperti berikut: (a) kehilangan pendapatan sebanyak RM4,200 (b) kos penjagaan tidak dibenarkan; (c) 'Head Injury' dan

'memory impairment' RM20,000; (d) 'Upper cervical injury' — RM25,000; dan (e) 'Multiple lacerations' RM5,000. Kedua-dua pihak telah merayu terhadap keputusan HMS atas liabiliti dan kuantum.

Diputuskan:

(1) HMS telah meragui keterangan responden apabila keterangan laporan polisnya dan keterangan di mahkamah adalah berlainan. Tiada penjelasan mengenai perbezaan keterangan diperjelaskan oleh responden. SP1 telah membuat siasatan dan hasil siasatan menunjukkan responden telah melakukan kesalahan dan dikenakan tindakan undang-undang dan telah membayar denda. Hasil siasatan menunjukkan responden telah mengundurkan motorjipnya dan dilanggar perayu dari belakang. Berdasarkan kepada keterangan responden, rajah kasar dan kerosakan motorjip responden, versi perayu mengenai bagaimana kemalangan berlaku adalah lebih berkemungkinan. Punca kemalangan adalah disebabkan responden mengundurkan motorjipnya (lihat perenggan 28 & 30).

(2) Perayu telah melihat kedudukan motorjip responden semasa mengundurkan kenderaannya iaitu dalam jarak 15 kaki. Ini bermakna pengunduran motorjip tidak dibuat serta merta atau betul-betul dihadapan motosikal perayu. Disebabkan perayu tidak mengambil sebarang langkah munasabah dalam situasi kecemasan tersebut yang perayu telah menyedarinya, perayu juga turut menyumbang kepada kemalangan tersebut. Pembahagian peratus kecuaian yang dibuat oleh HMS adalah wajar (lihat perenggan 30).

(3) Laporan perubatan perayu menyatakan penjagaan oleh isteri selepas kemalangan dan adanya keterangan perayu sendiri mengenai jagaan oleh isterinya selama satu tahun tidak dipatahkan oleh responden. Upah penjagaan tidak seharusnya dinafikan meskipun ianya dijaga oleh isterinya. Sejumlah RM500 sebulan untuk kos penjagaan tidaklah keterlaluan setelah mengambilkira keadaan perayu yang lumpuh sementara kedua-dua belah kaki dan tangan. Maka kos penjagaan dibenarkan pada jumlah RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan berjumlah RM6,000 (lihat perenggan 37).

(4) HMS hanya mengawardkan kehilangan pendapatan sejumlah RM400 sebulan seperti mana yang diplidkan di pernyataan tuntutan. Keterangan yang ada di hadapan mahkamah adalah bahawa pendapatan bersih perayu adalah RM5,000. Walaupun pihak-pihak harus berpegang kepada perkara yang diplidkan di dalam pliding mereka, mahkamah harus menimbangkan pernyataan di dalam pliding bersama-sama dengan keterangan saksi-saksi yang dipanggil untuk memberi keterangan. Adalah tidak munasabah untuk perayu hanya berpendapatan RM400 sebulan (lihat perenggan 39–40).

(5) HMS telah menolak kos sara hidup perayu sejumlah RM50 sebulan tanpa sebarang bukti atau penjelasan akan kebenaran jumlah RM50 ini dialami perayu sebagai kos sara hidupnya untuk sebulan. HMS telah silap dan salah arah apabila membuat penolakan kos sara hidup tanpa keterangan mengenainya (lihat perenggan 41).

(6) Keterangan menunjukkan perayu bekerja sebagai tukang rumah dengan pendapatan RM5,000 sebulan dan kehilangan sebenar pendapatan perayu untuk dua belas bulan ialah RM5,000 x 12 bulan berjumlah RM60,000 (lihat perenggan 42).

(7) Kecederaan perayu adalah tergolong dalam 'cerebral concussion' yang tidak terjumlah kepada kecederaan yang boleh memberi impak kepada keseluruhan daya ingatan dan hidup perayu. Oleh yang demikian award RM20,000 yang diawardkan kepada perayu adalah wajar dan berpatutan dengan kecederaan yang dialami (lihat perenggan 44).

(8) Dapatan MRI ke atas *cervical spine* menunjukkan tiada kepatahan atau perubahan tulang belakang dan kedudukan tulang belakang adalah normal. Selain dari itu, tiada kecacatan kepada tulang belakang perayu. Award RM25,000 yang diberikan kepada 'Upper Cervical Injury' adalah tinggi apabila MRI hanya menunjukkan kecederaan 'upper cervical injury' hanyalah 'Focal syrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)'. Oleh itu award RM15,000 adalah berpatutan dengan kecederaan yang dialami (lihat perenggan 47–48).

[English summary

An accident occurred between the motor jeep driven by the second respondent/second defendant ('SD1') and the motorcycle ridden by the appellant/plaintiff. The respondent who was ahead in front of the appellant had swerved to the left and had negligently and out of a sudden reversed back his vehicle and blocked the path of the appellant who was trying to carry on with his journey. The distance between the appellant's motorcycle and the respondent's motor jeep when the respondent was reversing the motor jeep was 15 feet. The sessions court judge ('SCJ') held the respondent to be 80% negligent and the appellant to be 20% contributorily negligent. As for the quantum, the SCJ held the following: (a) income loss in the sum of RM4,200; (b) care costs were dismissed; (c) 'head injury' and 'memory impairment' RM20,000; (d) 'upper cervical injury' — RM25,000; and (e) 'multiple lacerations' RM5,000. Both parties appealed against the decision of the SCJ on the liability and quantum.

Held:

(1) The SCJ doubted the respondent's evidence when his police report and evidence in court were inconsistent. There was no explanation on the inconsistency of the evidence given by the respondent. SP1 carried out an

investigation and results of the investigation showed that the respondent had committed an offence and was charged with legal action and had paid the fine. The investigation showed that the respondent had reversed his motor jeep and was hit by the appellant from behind. Based on the respondent's evidence, the rough sketch and damages on the respondent's motor jeep, the appellant's version on how the accident occurred was more probable. The cause of the accident was due to the respondent who reversed his motor jeep (see paras 28 & 30).

(2) The appellant had seen the position of the respondent's motor jeep when he reversed the vehicle which was 15 feet in distance. These meant that the reversal of the motor jeep was not made out of a sudden or right in front the appellant's motorcycle. Since the appellant did not take reasonable step in such emergency situation in which the appellant was aware of, the appellant contributed to the accident. The division of percentage of negligence held by the SCJ was expedient (see para 30).

(3) The appellant's medical report stated that the care by his wife after the accident and there was also evidence by the appellant himself on the care by his wife for a year, which was not rebutted by the respondent. The care costs should not be denied even though he was cared for by his wife. An amount of RM500 a month and care costs were not excessive after taking into consideration the appellant's temporary paralysis of both legs and hands. Therefore, the care costs allowed was RM500 a month for a period of 12 months totaling to RM6,000 (see para 37).

(4) The SCJ only awarded loss of income in the amount of RM400 a month as pleaded in the statement of claim. Evidence before the court was that the appellant's nett income was RM5,000. Even though the parties must stick to the facts pleaded in their pleadings, the court must consider the statement in the pleadings together with the evidence of the witnesses called to testify. It was not reasonable for the appellant to only earn RM400 a month (see paras 39–40).

(5) The SCJ had deducted the appellant's cost of living which was RM50 per month without any evidence or explanation on the truth of the RM50 amount being the appellant's living expenses per month. The SCJ erred and misdirected himself in making deductions for living expenses without any evidence on it (see para 41).

(6) Evidence showed that the appellant worked as a handyman with the income of RM5,000 a month and the actual losses for the appellant's income for 12 months was RM5,000 x 12 totalling to RM60,000 (see para 42).

(7) The appellant's injury was categorised as 'cerebral concussion' which did not amount to injury that could make an impact on his entire memory

and life. Hence, the award of RM20,000 awarded to the appellant was proper and appropriate with the injury suffered (see para 44).

(8) MRI findings on the cervical spine showed no breakage or changes on the backbone and the position of the backbone was normal. Aside from that, there was no disability on the appellant's backbone. The award of RM25,000 awarded for the upper cervical injury was high as the MRI only showed that the injury of the 'upper cervical injury' was only 'Focal syrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)'. Hence, the award of RM15,000 was appropriate considering the injury suffered (see paras 47–48).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kuantum, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 359.

Untuk kes-kes mengenai pihak-pihak yang terikat dengan pliding, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 6541–6546.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim [1977] 2 MLJ 85 (dirujuk)

Ahmad Nordin bin Haji Maslan & Anor v Eng Ngak Hua & Ors [1985] 2 MLJ 431, MA (dirujuk)

Govinda Raju & Anor v Laws [1966] 1 MLJ 188 (dirujuk)

Hong Ah Keat v Mohd Sabri B Mat Ali [2009] 1 PIR 14 (dirujuk)

Izhar B Razak v Cheah Per Nam & Ors [2009] 1 PIR 26 (dirujuk)

Marappan & Anor v Siti Rahmah bte Ibrahim [1990] 1 MLJ 99; [1990] 1 CLJ 174, MA (diikut)

Mokhtarudin Abdullah & Anor v Norizan bin Rosli & 2 Ors [1991] 1 AMR 419 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Masnira bt Mohammad Shakry (Fadhli bersamanya) (Ravi Moorthi, Noriza, Mala & Partners) bagi pihak perayu/plaintif.

Alphone Manikam (Malek & Associates) bagi pihak responden/defendan.

Marina Yahya H:

LATAR BELAKANG KES

[1] Perayu/plaintif merayu terhadap keputusan liabiliti dan kuantum oleh Hakim Sesyen bertarikh 24 Mei 2012. Responden/defendan juga memfailkan rayuan balas terhadap keputusan yang sama iaitu liabiliti dan kuantum. Hakim sesyen telah memutuskan responden bertanggungan cuai 80%. Manakala perayu cuai sumbang 20% kepada kemalangan tersebut. Hakim sesyen juga

telah memberi penghakimannya atas kuantum seperti berikut:

(i) Ganti rugi khas

(a) Ganti rugi khas yang dipersetujui sejumlah RM3,398 (rujuk ms 72 rekod rayuan)

(b) Kehilangan pendapatan setakat RM4,200 sahaja

(c) Kos penjagaan telah tidak dibenarkan.

(ii) Ganti rugi am

(a) 'Head Injury' dan 'memory impairment' — RM20,000

(b) 'Upper cervical injury' — RM25,000

(c) 'Multiple lacerations' — RM5,000

[2] Perayu menyatakan alasan-alasan rayuan adalah seperti di memorandum rayuan ms 6–11 rekod rayuan dan menyatakan responden sepatutnya didapati cuai 100% dan bukan 80% kerana kemalangan dikatakan berlaku semasa responden mengundurkan kenderaannya keluar dari simpang dan tidak mengambil kira akan keterangan dan hujahan pihak perayu. Award ganti rugi am bagi kecederaan 'head injury' dan 'memory impairment' dan 'upper cervical injury' adalah terlalu rendah. Hakim sesyen juga dikatakan telah khilaf apabiia memberikan award kehilangan pendapatan yang rendah dan tidak membenarkan kos penjagaan meskipun ada keterangan mengenainya.

[3] Responden di dalam rayuan balasnya menyatakan hakim sesyen telah khilaf apabiia gagal membuat keputusan secara alternatif apabiia terdapatnya dua versi keterangan yang bercanggah, perayu sepatutnya dipersalahkan 50% kerana telah mengekori kenderaan responden dengan begitu dekat sekali sehingga gagal mengelakkan kemalangan dari berlaku. Hakim sesyen juga dikatakan tidak wajar memberi sebarang award ke atas kecederaan kepala kerana laporan pakar neurologi mengesahkan tiada kecacatan pada perayu dan perayu boleh kembali kepada pekerjaan asalnya. Award RM25,000 bagi kecederaan 'upper cervical injury' adalah tinggi yang mana laporan pakar neurologi tidak menyatakan kecederaan perayu adalah pada tahap yang teruk.

[4] Perayu telah mengemukakan tiga orang saksi pegawai penyiasat ('SP1'), perayu (SP2) dan pekerja kepada perayu ('SP3'). Responden mengemukakan seorang saksi iaitu responden kedua ('SD1'). Kemalangan telah berlaku di KM 2 Jalan Pekan-Kuantan di antara motorjip WTF 8095 yang dipandu oleh responden kedua ('SD1') dengan motosikal CCB 2130 yang ditunggang oleh perayu. Kedua-duanya dari arah Pekan ke Kuantan (dari arah bawah ke atas menurut lakaran rajah kasar di ms 125 rekod rayuan). Apabila tiba di tempat kejadian, responden yang berada di hadapan perayu telah membelok ke kiri

dan dengan cuai dan secara tiba-tiba telah mengundurkan kenderaannya semula dan telah menghalang laluan perayu yang ingin meneruskan perjalanannya. Jarak di antara motosikal perayu dengan motorjip responden semasa responden mengundurkan motorjipnya adalah 15 kaki. SD1 di dalam keterangannya menyatakan beliau telah memberi isyarat untuk belok ke kiri jalan untuk membelok masuk ke simpang Jln Istana Mahkota dan tiba-tiba SD1 dapati motosikal perayu telah melanggar bahagian kiri belakang motorjip SD1.

HUJAHAN PERAYU

Liabiliti

[5] Perayu berhujah bahawa perayu tidak sewajarnya dibebankan dengan sebarang kecuaian apabila perayu diletakkan dalam keadaan yang mencemaskan iaitu apabila responden yang telah memasuki simpang tiba-tiba mengundur semula motorjipnya dan menghalang laluan motosikal perayu. Kes *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188, ms 190 telah dirujuk bagi menyokong hujahan perayu bahawa apa yang patut dan tidak patut dibuat semasa di dalam keadaan kecemasan tidak boleh dikira sebagai suatu kecuaian. Perayu seterusnya berhujah bahawa hakim sesyen telah silap apabila menerima keterangan responden yang mana bercanggah dengan laporan polisnya sendiri. Responden telah membuat laporan polis dua jam selepas kemalangan dan pastinya laporannya adalah tepat mengenai bagaimana kemalangan berlaku tetapi responden kemudiannya tidak mengakui mengenai ketepatan laporan polisnya berbanding dengan keterangannya di mahkamah. SP1 pegawai penyiasat dalam keterangannya menyatakan responden mengaku telah memasuki simpang dan mengundurkan motorjipnya semasa memberi keterangan di Balai Polis tetapi kemudian menafikannya ketika memberi keterangan di mahkamah.

[6] Perayu berhujah bahawa keterangan responden tidak konsisten dan bukanlah seorang saksi yang bercakap benar. Perayu menyatakan terdapatnya penumpang di dalam motorjip responden tetapi tidak dipanggil memberi keterangan dan ini memberikan anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 bahawa sekiranya dipanggil akan memudaratkan kes responden.

Kos penjagaan

[7] Perayu juga berhujah mengenai kos penjagaan yang telah tidak dibenarkan oleh hakim sesyen. Keterangan menunjukkan akibat dari kemalangan yang dialami, perayu dikatakan mengalami 'quadrapresis' iaitu lumpuh kedua-dua tangan dan kaki selama enam bulan. Selama tempoh enam bulan tersebut perayu telah dijaga sepenuhnya oleh isteri beliau. Penjagaan ke

atas perayu adalah ke atas keperluan hariannya iaitu makan, minum, mandi, memakai pakaian dan sebagainya. Laporan pakar Dr Khairul Muhsein Abdullah di ms 134 rekod rayuan telah dirujuk yang melaporkan;

> He is able to eat, drink, bathe and take care of his toilet hygiene on his own 4 months after the accident … However, he requires help from his wife to dress as his limbs are weak …
>
> … Limbs physiotherapy is helpful to increase the strength of his limbs to some degree, but the weaknesses will persist for the rest of his life … These residual neurological deficits are adversely affecting his personal, work and social life. In fact, he has not been able to resume his work as a contractor due to his residual neurological deficits …

[8] Kes *Marappan & Anor v Siti Rahmah bte Ibrahim* [1990] 1 MLJ 99; [1990] 1 CLJ 174, ms 176 telah dirujuk yang mana mahkamah telah memutuskan bahawa pampasan wang boleh diberikan kepada khidmat penjagaan yang diberikan oleh ibubapa atau penjaga di rumah. Perayu berhujah mengambil kira penjagaan dan tanggungan isteri perayu serta kos sara hidup yang mempengaruhi kenaikan harga barang-barang keperluan perayu semasa menjaga perayu yang lumpuh anggota, sejumlah RM12,000 pada kadar RM1,000 adalah munasabah.

Kehilangan pendapatan

[9] Perayu berhujah bahawa hakim sesyen gagal memberi pertimbangan mengenai pekerjaan perayu sebelum kemalangan iaitu sebagai tukang rumah dan telah mengawardkan satu jumlah yang minima dan terlalu rendah. SP3 adalah pekerja kepada perayu dan telah mengesahkan bahawa pekerjaan perayu adalah sebagai kontraktor tukang rumah. Pendapatan yang dinyatakan seperti di ms 145 rekod rayuan sepatutnya diterima mengambil kira perayu telah menceburi bidang membina rumah selama sepuluh tahun. Perayu di dalam keterangannya menyatakan memperoleh pendapatan bersih sejumlah RM5,000 sebulan. Perayu tidak bekerja selama lebih kurang lapan bulan dan telah mengalami kerugian sejumlah RM40,000. Apabila perayu telah mula sihat sedikit, perayu masih terpaksa mengupah pekerja sejumlah RM2,000 sebulan dan mengalami kerugian jumlah yang sama sehingga ke hari ini. Perayu berhujah bahawa RM5,000 sebulan untuk 12 bulan berjumlah RM60,000 adalah munasabah.

Head injury and memory impairment

[10] Award yang diberikan oleh hakim sesyen RM20,000 adalah terlalu

rendah dan tidak setimpal dengan kecederaan yang dialami perayu. Kecederaan perayu dinyatakan;

(i) *cerebral concussion*;

(ii) GCS 10/15;

(iii) *mini mental state examination indicates very significant impairment of his cognitive function;*

(iv) *personality change post-trauma and propensity in anger*.

[11] Kes *Hong Ah Keat v Mohd Sabri B Mat Ali* [2009] 1 PIR 14 telah dirujuk dengan award sejumlah RM30,000 bagi kecederaan kepala. Perayu memohon RM50,000.

Upper Cervical Injury

[12] Perayu berhujah award RM25,000 bagi kecederaan ini adalah terlalu rendah dan tidak berpatutan berbanding kecederaan perayu iaitu:

(i) *Spinal cord oedema from C2/3 till C4 with accompanying quadriparesis*;

(ii) *Degenerative disc disease from C2/3 till C6/7 with disc bulge at C3/4 Power of upper limbs reduced to 2*;

(iii) *Power of lower limbs 0 except over the ankle (C4); and*

(iv) *Reduced sensation from C2 downward*.

[13] Laporan Dr T Selvapragasam ('D8') menjelaskan;

> The MRI cervical spine done on 1-10-2010 showed cervical cord oedema (swelling) from C2 till C4 and the repeat MRI done on 16-11-2011 showed a focal syrinx (fluid collection). This is due to the resolution of the swelling and will remain permanent.

[14] Akibat dari kecederaan yang dialami, perayu tidak lagi dapat menikmati hidup yang sempurna dan hilang keupayaan pendapatan apabila lumpuh anggota kaki dan tangan dan hanya mampu bergerak secara perlahan sahaja. Kes *Izhar B Razak v Cheah Per Nam & Ors* [2009] 1 PIR 26 telah dirujuk oleh perayu yang memberikan award RM240,000 bagi 'fracture of the C6 and C7 vertebra with permanent and spondylolisthesis of the C6 and C7 with posterior disc proplase' perayu memohon RM100,000.

HUJAHAN RESPONDEN

Liabiliti

[15] Responden berhujah bahawa perlanggaran berlaku pada bahagian

belakang motorjip responden dan perayu sepatutnya dipersalahkan 100%. Keterangan pegawai penyiasat ('SP1') hendaklah dilihat secara berhati-hati kerana SP1 tidak berada di tempat kemalangan dan SP1 juga gagal mengemukakan salinan rakaman percakapan responden mengenai responden mengundur ke jalan utama selepas masuk Jln Istana Mahkota. Kerosakan di bahagian belakang juga adalah selari dengan perlanggaran yang berlaku. responden juga mengulangi hujahannya seperti di ms 108 rekod rayuan bahawa perayu telah melihat akan motorjip responden dihadapannya dan adalah menjadi tanggungujawab perayu untuk mengurangkan kelajuan motosikalnya bagi mengelakkan kemalangan daripada berlaku terutamanya apabila menghampiri simpang. Kes *Ahmad Nordin bin Haji Maslan & Anor v Eng Ngak Hua & Ors* [1985] 2 MLJ 431 telah dirujuk bagi menyokong hujahan responden tersebut dengan merujuk kepada keputusan mahkamah rayuan:

> failure to make sufficient look out in order to avoid an accident — Higher duty to take care on a moving vehicle.

[16] Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kenderaan dari belakang yang mengekori kenderaan di hadapannya memandu dengan cara yang boleh mengelakkan kemalangan daripada berlaku apabila kenderaan di hadapannya mengambil suatu tindakan yang tidak diduga (Rujukan kes *Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Ibrahim* [1977] 2 MLJ 85, Held (1)). SP1 di dalam keterangannya juga mengesahkan kerosakan motorjip adalah konsisten dengan motosikal perayu yang melanggar motorjip responden. Responden berhujah apabila terdapatnya dua versi yang bercanggah di antara satu sama lain, liabiliti sepatutnya ditentukan secara 50%–50%.

KUANTUM

Kos penjagaan

[17] Responden telah bergantung pada hujahan mereka di hadapan hakim sesyen di ms 120 hingga 122 rekod rayuan mengenai kos penjagaan dan berhujah kos penjaga tidak patut dibenarkan kerana keadaan perayu adalah bercanggah dengan laporan Hospital Tengku Ampuan Afzan di ms 137 rekod rayuan yang menyatakan keadaan perayu ketika berjumpa doktor kali terakhir pada 6 Oktober 2010 dengan catatan:

> Power of upper and lower limb improved able to stand and ambulating with support.

[18] Responden juga berhujah bahawa penjagaan oleh isteri perayu adalah tanggungjawabnya sebagai isteri perayu dan tiada bukti menunjukkan isteri

perayu bekerja dan terpaksa berhenti kerja untuk menjaga perayu Laporan doktor pakar responden (D8, ms 5–7 rekod rayuan tambahan) iaitu Dr T Selvapragasam yang melaporkan:

> He is neurologically and cognitively functional, independent and can be coaxed to resume his original job and be gainful employed.

[19] Kes *Mokhtarudin Abdullah & Anor v Norizan bin Rosli & 2 Ors* [1991] 1 AMR 419 dirujuk untuk menyokong hujahan responden bahawa tuntutan kos penjagaan tidak dibenarkan kerana tiada bukti mengenainya meskipun sedikit pemerhatian diperlukan. Bagi kes perayu ini, responden menyatakan faktor usia perayu yang berusia 55 tahun juga adalah suatu perkara biasa yang menyumbang kepada mengalami masalah sakit badan.

Kehilangan pendapatan

[20] Responden tidak membuat rayuan balas kehilangan pendapatan dan berhujah awad RM4,200 oleh hakim sesyen hendaklah dikekalkan.

Kecederaan kepala

[21] Responden berhujah award RM20,000 bagi kecederaan kepala adalah tinggi kerana tahap ingatan dan keupayaan intelek perayu tidak terjejas. Malah perayu tiada masalah ingatan semasa memberi keterangan di mahkamah. Laporan perubatan dari Hospital Pantai bertarikh 21 Disember 2011 di ms 5–7 rekod rayuan tambahan ('D8') merupakan laporan perubatan terkini perayu selepas laporan perubatan Kuantan Specialist Hospital bertarikh 3 Jun 2011 dan wajar diberi pertimbangan oleh mahkamah khususnya mengenai keadaan kesihatan terkini perayu. Award RM20,000 wajar dikurangkan kepada RM10,000.

Upper cervical injury

[22] Responden berhujah bahawa award RM25,000 patut dikurangkan kepada RM15,000 bagi kecederaan ini dengan merujuk kepada laporan neorologi responden oleh Dato' Dr Joginder Singh dari Hospital Pantai yang melaporkan:

> Normal cervical lordosis and vertebral alignment is preserved. No fracture or displacement of vertebrae is seen.
>
> Rest of the cord and cranio-cervical junction are of normal signal intensity. Otherwise normal cervical spine.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Liabiliti

[23] Keterangan perayu menunjukkan perlanggaran disebabkan responden telah mengundurkan kenderaannya apabila telah masuk ke simpang Jln Istana Mahkota yang berada di sebelah kiri jalan menghala ke Kuantan. Perayu pula dalam perjalanan dari arah sama dengan responden tetapi hendak meneruskan penjalanan menghala ke Kuantan. Kedua-dua kenderaan berada di lorong B ke C rajah kasar. Perayu dikatakan tidak sempat untuk mengelak dari perlanggaran berlaku kerana jarak di antara perayu dengan kenderaan responden adalah 15 kaki apabila perayu nampak responden mengundurkan kenderaannya. Oleh kerana responden mengundurkan kenderaannya keluar semula dari simpang menyebabkan perayu terlanggar bahagian kanan belakang motorjip. Responden menafikan beliau ada mengundurkan kenderaannya keluar semula dari simpang. Malah menyalahkan perayu kerana dikatakan menunggang motosikal dengan laju hingga melanggar belakang motorjip beliau. Responden juga menafikan ada memberitahu pegawai penyiasat ('SP1') bahawa beliau ada mengundurkan kenderaan apabila telah masuk simpang Jln Istana Mahkota. Adalah tidak dinafikan di sini terdapatnya dua versi keterangan yang berbeza di antara perayu dan responden. Undang-undang adalah mantap mengenai keterangan yang diberikan mempunyai lebih dari satu versi dan versinya adalah berlainan di antara satu sama lain. Dalam situasi demikian, tugas mahkamah adalah untuk melihat keterangan yang mana satukah yang lebih berkemungkinan. Keterangan manakah yang lebih berkemungkinan tidak bertumpu kepada keterangan perayu dan responden semata-mata sahaja tetapi juga keterangan-keterangan sokongan lain ataupun keterangan senyap yang boleh menyokong 'keberkemungkinan' yang boleh dipercayai. Berkemungkinan yang saya maksudkan tidak sahaja tahap kebolehpercayaannya adalah lebih tinggi tetapi juga kemunsabahannya diterima atas imbangan kebarangkalian.

[24] Di dalam kes perayu ini, perayu menyatakan perlanggaran berlaku disebabkan responden yang telah masuk ke simpang Jln Istana Mahkota tiba-tiba mengundurkan semula kenderaannya dan akibatnya telah menghalang laluan perayu yang sedang bergerak terus menuju ke arah Kuantan. Laporan polis pesponden di ms 124 rekod rayuan baris dua menyebut:

> Apabila saya sampai di KM 2 Jalan Pekan/Kuantan, saya memberi isyarat hendak belok ke km dan berhenti, kemudian memberi laluan pada kenderaan yang datang dari belakang. Tiba-tiba sebuah motosikal No CCB 2130 jenis Yamaha LC135 yang datang dari arah belakang telah melanggar motorjip D/Max saya dibahagian belakang sebelah kiri.

[25] Laporan responden menunjukkan responden telah berhentikan motorjipnya telah sebelum masuk ke simpang dengan tujuan untuk memberi laluan kepada kenderaan yang datang dari arah belakang. Adalah pasti responden tidak berhenti di muka simpang. Responden tidak menyatakan sebab-sebab beliau memberhentikan kenderaannya. Ada kemungkinan untuk responden mengambil penumpang seperti mana keterangannya tetapi bukan 50 meter daripada simpang tetapi sebelum masuk ke simpang iaitu dibahagian kiri jalan sebelum masuk ke simpang. Sekiranya keterangan responden ini benar, kerosakan motorjip tidak mungkin berlaku dibahagian kiri belakang tetapi rosak dibahagian belakang motorjip itu.

[26] Responden di dalam keterangannya kemudian menafikan perkara yang dilaporkan di dalam laporan polisnya dan memberi versi cerita baru iaitu dengan menyatakan:

> Setelah memberi isyarat untuk membelok ke kiri simpang dan selepas hampir-hampir selesai membelok masuk ke simpang Jalan Istana Mahkota sebelah kiri, tiba-tiba sebuah motosikal No CCB 2130 yang datang dari arah belakang telah melanggar di bahagian belakang sebelah kiri motorjip.

(lihat keterangan responden di ms 61 rekod rayuan).

[27] Sekiranya responden mengambil keterangan di mahkamah sebagai keterangannya yang benar, kerosakan pada motorjip juga tidak mungkin berlaku di bahagian belakang kiri. Ini adalah kerana tiada sebab untuk perayu melanggar belakang motorjip responden yang telah hampir sepenuhnya masuk ke simpang yang pastinya meneruskan perjalanannya dan di masa yang sama perayu meneruskan perjalanannya ke Kuantan. Keadaan seperti yang dikatakan responden boleh diterima akal sekiranya perayu juga hendak masuk ke simpang yang mana di dalam kes ini kejadian tersebut tidak berlaku.

[28] Kebarangkalian dan kemunasabahan kerosakan belakang kiri motorjip responden berlaku disebabkan responden masuk ke simpang Jln Istana dan berhenti dan kemudiannya mengundurkan motorjipnya keluar dari simpang menyebabkan laluan perayu untuk menghala ke Kuantan di atas lorong laluan B ke C terhalang dan perayu yang datang dari belakang tiada pilihan melanggar bahagian belakang motorjip yang keluar dari simpang tersebut. Perlanggaran tidak berlaku sekiranya responden meneruskan perjalanannya setelah masuk simpang Jln Istana Mahkota. Oleh yang demikian keterangan SP1 bahawa keterangan rakaman percakapan dari perayu dan responden bahawa responden menyatakan beliau mengundur, berhenti dan dilanggar oleh motosikal perayu adalah benar. Hakim sesyen telah membuat dapatan fakta bahawa beliau meragui keterangan responden apabila keterangan laporan polisnya dan keterangan di mahkamah adalah berlainan dan saya dapati tiada penjelasan mengenai perbezaan keterangan diperjelaskan oleh responden di sini.

[29] SP1 telah membuat siasatan dan hasil siasatan menunjukkan responden telah melakukan kesalahan dan dikenakan tindakan undang-undang dan telah membayar denda. Adalah tidak wajar untuk mahkamah ini menolak keterangan pegawai penyiasat hanya kerana beliau tiada di tempat kejadian tetapi hakikatnya suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap perayu dan responden dan hasil siasatan menunjukkan responden telah mengundurkan motorjipnya dan dilanggar perayu dari belakang. Kerosakan motorjip responden konsisten dengan keterangan perayu. Impak pada belakang kiri motorjip responden dilihat pada gambar di ms 129 rekod rayuan di mana dan impak ini berlaku secara hadapan motosikal perayu dengan kedudukan belakang motorjip responden dalam posisi melintang keluar dari simpang.

[30] Berdasarkan kepada keterangan responden, rajah kasar dan kerosakan motorjip responden, versi perayu mengenai bagaimana kemalangan berlaku adalah lebih berkemungkinan. Punca kemalangan adalah disebabkan responden mengundurkan motorjipnya. Namun demikian adakah perayu juga menyumbang sebarang kecuaian kepada perlanggaran tersebut? Di dalam kes perayu ini, perayu telah melihat kedudukan motorjip responden semasa mengundurkan kenderaannya iaitu dalam jarak 15 kaki. Pun begitu tiada langkah membuat brek kecemasan di pihak perayu meskipun dalan jarak yang terhad sebaliknya hanya menyatakan tidak berkesempatan untuk mengelak dan membiarkan motosikalnya melanggar motorjip responden. Mahkamah ini tidak menidakkan tindakan seseorang pemandu apabila berhadapan dengan situasi kecemasan dan tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengatasinya. Namun demikian ianya masih bergantung kepada keadaan kecemasan itu ditimbulkan atau diwujudkan pada ketika itu. Perayu di sini telah menyatakan beliau nampak responden mengundurkan motorjipnya. Ini bermakna pengunduran motorjip tidak dibuat serta merta atau betul-betul dihadapan motosikal perayu. Disebabkan perayu tidak mengambil sebarang langkah munasabah dalam situasi kecemasan tersebut yang perayu telah menyedarinya, perayu juga turut menyumbang kepada kemalangan tersebut. Sekiranya perayu mengambil langkah membrek kecemasan kesan impak berkemungkinan dapat dikurangkan. Saya berpendapat pembahagian peratus kecuaian di antara responden dan perayu yang dibuat oleh hakim sesyen 80% terhadap responden dan 20% terhadap perayu adalah wajar dan seharusnya dikekalkan.

KUANTUM

Kos penjagaan

[31] Responden di dalam hujahannya menyatakan award bagi kos penjagaan tidak wajar dibenarkan kerana tiada bukti keterangan mengenainya daripada responden. Hakim sesyen juga menyatakan pendapatnya yang sama di dalam

alasan penghakimannya. Saya tidak bersetuju dengan hujahan pihak responden kerana jika dirujuk kepada ms 59 rekod rayuan catatan minit prosiding mahkamah menyatakan:

> Kedua-dua pihak bersetuju saksi tentang penjagaan Plaintif tidak dipanggil. Bergantung kepada laporan perubatan dan hujahan.

[32] Saya merujuk kepada laporan perubatan dari Kuantan Specialist Hospital (ms 138–144 rekod rayuan). Perayu telah diperiksa oleh Dr Khairul Muhsein Abdullah pada 3 Mei 2011 dan melaporkan aktiviti harian perayu di ms 140 rekod rayuan iaitu:

> He is able to eat, drink, bathe and take care of his toilet hygiene on his own 4 months after the accident.
>
> However, he requires help from his wife to dress as his limbs are weak.

[33] Saya juga merujuk kepada laporan pakar dari Pantai Hospital bertarikh 21 Disember 2011. Menurut laporan pakar tersebut, perayu telah diperiksa oleh Dato' Dr T Selvapragasam pada 16 November 2011 iaitu selepas lebih kurang tujuh bulan perayu diperiksa oleh Dr Khairul Muhsein Abdullah. Laporan pakar Dato' Dr T Selvapragasam tidak menyatakan keadaan aktiviti harian perayu sebaik selepas kemalangan seperti mana laporan Dr Khairul Muhsien. Laporan Dato' Dr T Selvapragasam hanya menyebut:

> It is almost a year since the accident and treatment and it is my opinion that he has recovered to normal functional level and no amount of medication, counseling or physiotherapy will be more beneficial. (sila lihat ms 7 Rekod Rayuan Tambahan)

[34] Saya merujuk kepada keterangan SP2 yang menyatakan seperti berikut;

> Soalan: Selepas keluar dari hospital perlukan jagaan dari keluarga?
>
> Jawapan: Ya, isteri yang jaga selama 6 bulan.
>
> Soalan: Kenapa perlu jagaan?
>
> Jawapan: Saya tak boleh bergerak, masalah untuk masuk tandas. Buang air.
>
> Soalan: Selepas keluar dari hospital, adakah boleh berjalan?
>
> Jawapan: Tidak boleh berjalan selama 6 bulan.
>
> Soalan: Boleh berjalan dengan tongkat atau ahli keluarga kena angkat?
>
> Jawapan: Ahli keluarga kena angkat.
>
> Soalan: Apa yang isteri bantu?
>
> Jawapan: Bantu untuk pakai baju, mandi, semua. Makan suap selama 6 bulan. Selepas 6 bulanm boleh urus diri sikit-sikit.

Soalan: Berapa lepas selepas kemalangan, kamu boleh uruskan diri Sendiri? A

Jawapan: Setahun. (sila lihat ms 49 Rekod Rayuan)

[35] Saya juga merujuk kepada soalan balas oleh pihak responden mengenai penjagaan yang didakwa oleh perayu di sini. Tiada soalan balas dikemukakan kepada perayu mengenai penjagaan oleh isteri perayu. Keterangan perayu mengenai penjagaan dirinya selama setahun tidak disangkal atau dipertikaikan oleh responden. Saya berpendapat adalah tidak adil bagi pihak responden sekarang menyatakan tiada bukti keterangan daripada isteri apabila telah pun bersetuju untuk tidak memanggil isteri perayu memberi keterangan dan hanya bergantung kepada laporan perubatan. Pun begitu laporan perubatan perayu menyatakan penjagaan oleh isteri selepas kemalangan dan adanya keterangan perayu sendiri mengenai jagaan oleh isteri beliau selama satu tahun tidak dipatahkan oleh responden. Keterangan mengenai penjagaan ke atas perayu selepas kemalangan bagi tempoh setahun bersesuaian dengan kecederaan cukup untuk membuktikan bahawa perayu memerlukan penjagaan tersebut bagi tempoh setahun.

[36] Saya merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Marappan & Anor v Siti Rahmah bte Ibrahim* [1990] 1 MLJ 99 ms 100; [1990] 1 CLJ 174, ms 176 HMA Gun Chit Tuan di dalam penghakimannya menyatakan:

> As for costs of care the learned judge found that as PW3 did not actually engage anyone to look after the plaintiff, her estimate of the costs of caring at RM800 per month was most speculative. He also considered that there was no necessity to consider the cost of sending the plaintiff to nursing home as all along she had been looked after by PI/1/3. The learned judge however referred to *Taylor v Bristol Omnibus Co* [1975] 2 All ER 1107 in which the English Court of Appeal has held that the item for care and nursing was justifiable and should not be any less if the plaintiff was looked after at home instead of in an institution as it is now settled that compensation can be given in money for services rendered by parents.

[37] Di dalam kes *Marappan* tersebut, Mahkamah Agung telah mengekalkan award hakim bicara sejumlah RM350 sebulan dibenarkan untuk kos penjagaan. Di dalam kes perayu ini adalah tidak dinafikan bahawa perayu telah dijaga oleh isteri beliau selama 12 bulan selepas kemalangan kerana kecederaan yang dialami perayu tidak membolehkan perayu menguruskan diri beliau secara sendiri. Jika sekalipun perayu tidak dijaga oleh isteri, orang lain juga diperlukan untuk membantu perayu menguruskan keperluan diri beliau pada tempoh yang dinyatakan dan akan melibatkan upah penjagaan yang sama. Upah penjagaan tidak seharusnya dinafikan meskipun ianya dijaga oleh isteri perayu berdasarkan kedudukan undang-undang di dalam kes *Marappan*. Pada tahun 1990 kos penjagaan sejumlah RM350 adalah munasabah dan saya

berpendapat sejumlah RM500 sebulan untuk kos penjagaan pada tahun 2010 iaitu pada tahun perayu mendapat kemalangan tidaklah keterlaluan setelah mengambil kira nilai matawang pada tahun tersebut dan juga keadaan perayu yang lumpuh sementara kedua-dua belah kaki dan tangan. Hakim sesyen telah khilaf apabila tidak membenarkan kos penjagaan hanya berdasarkan tiada bukti keterangan daripada perayu yang mana ianya adalah tidak benar. Saya membenarkan award kos penjagaan pada jumlah RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan berjumlah RM6,000.

Kehilangan pendapatan

[38] Keterangan perayu menunjukkan pada sebelum kemalangan, pekerjaan perayu adalah seorang tukang rumah. Selepas kemalangan perayu tidak boleh lagi melakukan kerja-kerja tukang rumah selama lebih kurang lapan bulan. Perayu memberitahu pendapatan bersih sebulan adalah RM5,000. Perayu juga adalah majikan kerana perayu adalah orang yang mendapatkan kerja-kerja kontrak tukang rumah dan telah menjalankan kerja-kerja tukang rumah selama sepuluh tahun. Keterangan perayu disokong oleh keterangan SP3 yang merupakan pekerja kepada perayu. SP3 mengesahkan bekerja dengan perayu selama tiga tahun. SP3 dibayar secara tunai upah RM50 sehari dan bersetuju gaji dibayar apabila ada kontrak kerja menukang rumah. Bukti perayu dibayar upah menukang rumah sejumlah RM15,000 seperti surat pengesahan tuan rumah di P7 (ms 145 rekod rayuan) dan kandungan surat ini tidak dicabar oleh responden. Terdapatnya keterangan dari saksi-saksi perayu bahawa pada sebelum dan semasa kemalangan berlaku, perayu bekerja dan memperoleh pendapatan.

[39] Hakim sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 20 rekod rayuan mengesahkan bahawa perayu mengalami kehilangan pendapatan selama 12 bulan tetapi hanya mengawardkan kehilangan pendapatan sejumlah RM400 sebulan sepertimana yang diplidkan di perenggan (p) pernyataan tuntutan di ms 28 rekod rayuan. Hakim sesyen bergantung sepenuhnya kepada hujahan pihak responden mengenai kehilangan pendapatan dan menolak RM50 sebagai kos sara hidup meninggalkan sejumlah RM350 sebulan dan untuk 12 bulan kehilangan pendapatan adalah RM4,200. Keterangan perayu, SP3 dan bukti pendapatan di P7 menunjukkan perayu sebagai tukang rumah tidak menerima pendapatan RM400 sebulan. Mahkamah masih memakai prinsip bahawa setiap butiran tuntutan ganti rugi khas hendaklah dibuktikan. Keterangan yang ada di hadapan mahkamah bahawa pendapatan bersih perayu adalah RM5,000. Jika sekalipun hakim sesyen menerima kerugian pendapatan bulanan perayu iaitu sejumlah RM2,000 ianya masih melebihi RM400 sebulan. Kerugian RM2,000 ini dialami perayu setelah perayu bekerja semula dan tidak sebelumnya seperti mana yang dituntut perayu. Hakim sesyen sepatutnya memberi pertimbangan keterangan perayu, SP3 dan P7.

[40] Mahkamah berpendapat walaupun pihak-pihak haruslah berpegang kepada perkara yang diplidkan di dalam pliding mereka, mahkamah juga haruslah menimbangkan pernyataan di dalam pliding tersebut bersama-sama dengan keterangan saksi-saksi yang dipanggil untuk memberi keterangan. Mahkamah berpendapat adalah tidak munasabah untuk perayu hanya berpendapatan RM400 sebulan dengan melakukan kerja-kerja sebagai seorang tukang rumah/kontraktor. Ini adalah kerana perayu mempunyai seramai empat orang pekerja yang bekerja dengan beliau. Jika andaian bayaran bagi setiap pekerja ialah sebanyak RM50 sehari, ini bermakna setelah menolak gaji-gaji pekerja, perayu tidak mempunyai apa-apa lagi baki pendapatan pada hujung bulan.

[41] Saya juga mendapati hakim sesyen telah menolak kos sara hidup perayu sejumlah RM50 sebulan tanpa sebarang bukti atau penjelasan akan kebenaran jumlah RM50 ini dialami perayu sebagai kos sara hidupnya untuk sebulan. Hakim sesyen tidak memberi alasannnya akan penolakan RM50 sebulan daripada RM400. Tiada keterangan menunjukkan bahawa jumlah RM50 adalah kos sara hidup perayu untuk sebulan. Hakim sesyen telah silap dan salah arah apabila membuat penolakan kos sara hidup tanpa keterangan mengenainya. Mahkamah Agung di dalam kes *Marappan* telah memutuskan isu kos sara hidup iaitu:

> Held:
>
> (3) The Court should not make any deduction for living expenses under the subsection of s 28A Civil Law Act 1956 as there was no proof or admission in this case as to what the actual living expenses of the plaintiff were at the time when she was injured.

[42] Keterangan menunjukkan perayu bekerja sebagai tukang rumah dengan pendapatan RM5,000 sebulan dan kehilangan sebenar pendapatan perayu untuk dua belas bulan ialah RM5,000 x 12 bulan berjumlah RM60,000.

Head injury

[43] Saya merujuk kepada laporan-laporan perubatan seperti berikut;

(i) Laporan perubatan dari Hospital Pekan bertarikh 4 Oktober 2010 yang mendiagnoskan kecederaan perayu seperti berikut;

> Alleged Motor Vehicle Accident with (to rule out) Upper Cervical Injury, Cerebral Concussion and Multiple Lacerations over Face.

Perayu kemudiannya dipindahkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan pada 1 September 2010.

(ii) Perayu keluar dari wad pada 6 September 2010. Laporan perubatan Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan mendiagnos penyakit perayu dengan catatan;

> Diagnosis muktamad: "spinal cord oedema from C3 till C4 with partial neurological deficit.

(iii) Laporan perubatan pakar dari Kuantan Specialist Hospital bertarikh 3 Jun 2011 melaporkan seperti berikut;

> (a) Cerebral function
>
> His cerebral functions were intact, with no nystagmus, past pointing, intention tremor or dysdiadochokinesis.
>
> (b) Diagnosis
>
> The head injury consisted of cerebral concussion. The residual neurological deficits persist.
>
> (c) Professional opinion
>
> The patient sustained head injury and neck injury as a result of the accident. This directly leads to his neurological deficits, which are somatic, cognitive and psychosocial impairment, and also quadriparesis (weaknesses of all limbs). His somatic, cognitive and psychosocial impairments are also known as post concussive syndrome.

(iv) Laporan perubatan pakar dari Pantai Hospital bertarikh 21 Disember 2011 melaporkan seperti berikut;

> (a) The MRI brain done on 16.11.2011 did not show any post-traumatic changes or brain volume loss, except for the nonspecific ischaemic changes.
>
> (b) He is presently neorulogical intact but has some subjective complains. His complains do not correspond or are substantiated by the clinical or radiological findings.
>
> (c) He is neurological and cognitively functional.

Berdasarkan kepada laporan-laporan perubatan Perayu bermula dari Hospital Pekan, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Specialist Hospital dan Pantai Hospital, adalah tidak dinafikan bahawa perayu melalui proses rawatan dan pemulihan ke atas kecederaan yang dialami dari hari pertama perayu dimasukkan ke hospital sehingga pemeriksaan terakhir perayu ke atas tahap kecederaan dan kesihatan perayu.

[44] Keadaan kesihatan terkini perayu dapat dilihat daripada pemeriksaan terakhir yang dibuat oleh Pantai Hospital. Kecederaan di kepala perayu mempunyai 'cerebral concussion' dan ini dapat dilihat di dalam laporan

Hospital Pekan, laporan perubatan pakar Kuantan Specialist Hospital dan laporan perubatan pakar Pantai Hospital. Perubahan-perubahan yang dinyatakan di dalam laporan Kuantan Specialist Hospital tujuh bulan sebelumnya tidak lagi kelihatan pada 16 November 2011 apabila pakar neurologi membuat dapatannya:

> (a) The MRI brain done on 16.11.2011 did not show any post-traumatic changes or brain volume loss, except for the nonspecific ischaemic changes.
>
> (b) He is presently neorulogical intact but has some subjective complains. His complains do not correspond or are substantiated by the clinical or radiological findings.

Berdasarkan kepada laporan pemeriksaan kesihatan terkini perayu mengenai kecederaan kepala, saya berpendapat bahawa perayu tidak lagi mengalami kecacatan yang diadukan oleh perayu sebelumnya. Kecederaan perayu adalah tergolong dalam 'cerebral concussion' yang tidak terjumlah kepada kecederaan yang boleh memberi impak kepada keseluruhan daya ingatan dan hidup perayu. Oleh yang demikian award RM20,000 yang diawardkan kepada perayu adalah wajar dan berpatutan dengan kecederaan yang dialami.

Upper cervical injury

[45] Perayu mengalami kecederaan pada tengkok yang melibatkan C3/C4. Laporan perubatan pakar dari Kuantan Specialist Hospital menyatakan MRI (*magnetic resonance imaging*) ke atas 'cervical spine' telah dibuat ke atas perayu pada 9 Mei 2011. Hasil MRI dinyatakan seperti berikut:

> MRI (Magnetic resonance imaging) of his cervical spine on 9th May 2011 revealed a hyperintense signal at C3/4 level, indicative of myelomalacia arising from the accident and the accompanying neck injury.

[46] MRI kemudiannya telah dibuat pada 16 November 2011 di Pantai Hospital dan dilaporkan seperti berikut:

> Conclusion
>
> (1) Focal syrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)
>
> (2) Otherwise normal cervical spine. (ms 6 Rekod Rayuan Tambahan)
>
> The MRI cervical spine done on 1.10.2010 showed cervical cord oedema (swelling from 02 till 04 and the repeat MRI done on 16.11.2011 showed a focal syrinx (fluid collection). This isi due to the resolution of the swelling and will remain permanent. There is no evidence of the latter causing mass or pressure effects (mukasurat 7 Rekod Rayuan Tambahan).
>
> He has some residual evidence of old cervical cord injury which will remain permanent, but not disabling or debilitating him. (ms 7 Rekod Rayuan Tambahan)

A … it is my opinion that he has recovered to normal functional level and no amount of medication, counseling or physiotherapy will be more beneficial. (ms 7 Rekod Rayuan Tambahan)

MRI CERVICAL SPINE

B Pre and post contracts scans in Sagittal and axial images in Turbo-Spin echo sequence with T1, T2 weighting and me2d sequence were done.

Normal cervical londois and vertebral alignment is preserved.

No fracture or displacement of vertebrae is seen.

C Disc spaces are preserved with no herniation or exit nerve root compression.

There is a focal lesion noted at C3/C4 level in the cord with signal characteristics of a syrinx.

No enhancement after contrast.

D Rest of the cord and cranio-cervical junction are of normal signal intensity.

No expansion of the cord noted.

CONCLUSION

E 1) Focal syrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)

Otherwise normal cervical spine. (ms 8 Rekod Rayuan Tambahan)

F **[47]** Dapatan MRI ke atas 'cervical spine' menunjukkan tiada kepatahan atau perubahan tulang belakang dan kedudukan tulang belakang adalah normal. Selain dari tiadanya kecacatan kepada tulang belakang Perayu, MRI hanya menunjukkan 'Focalsyrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)' sahaja. Laporan perubatan yang sama di ms 6 rekod rayuan juga menyatakan:

G Testing for cranial nerves appeared normal. He could do fine work/movement with his hand (figures) with no signs of a central-cord syndrome. He had no obvious weakness of upper and lower limbs. The reflexes were intact with no sensory deficits. The musculoskeletal system appeared normal.

H **[48]** Saya berpendapat award RM25,000 yang diberikan kepada 'upper cervical injury' adalah tinggi apabila MRI hanya menunjukkan kecederaan 'upper cervical injury' hanyalah 'Focal syrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)'. Award RM15,000 adalah berpatutan dengan kecederaan yang dialami.

I KESIMPULAN

[49] Saya telah menimbang rayuan perayu dan rayuan balas responden serta hujahan kedua-dua pihak dan mendapati hakim sesyen telah silap arah apabila tidak membenarkan kos penjagaan kepada perayu, membenarkan jumlah

kehilangan pendapatan yang sangat rendah dan juga telah memberikan award RM25,000 pada kecederaan 'upper cervical injury' yang mana MRI hanya menunjukkan ianya hanyalah 'Focal syrinx at C3/C4 (1cm x 0.5cm)'. Secara keseluruhannya saya memutuskan rayuan dan rayuan balas seperti berikut:

[50] Rayuan perayu:

(a) Terhadap liabiliti ditolak dan liabiliti yang diputuskan oleh hakim sesyen 80% terhadap responden dan 20% terhadap perayu dikekalkan.

(b) Terhadap kehilangan pendapatan dibenarkan dan award oleh hakim sesyen dipinda dari RM4,200 kepada RM5,000 x 12 bulan berjumlah RM60,000.

(c) Terhadap kos penjagaan dibenarkan pada kadar RM500 sebulan untuk 12 bulan berjumlah RM6,000.

(d) Terhadap 'head injury' award oleh hakim sesyen berjumlah RM20,000 dikekalkan dan rayuan perayu untuk jumlah RM50,000 ditolak.

(e) Terhadap 'upper cervical injury' award oleh hakim sesyen berjumlah RM25,000 dipinda kepada RM15,000 dan rayuan perayu untuk jumlah RM100,000 ditolak.

[51] Rayuan balas responden:

(a) Terhadap liabiliti ditolak dan liabiliti yang diputuskan oleh hakim sesyen 80% terhadap responden dan 20% terhadap perayu dikekalkan.

(b) Terhadap kehilangan pendapatan dibenarkan dan award oleh hakim sesyen dipinda dari RM4,200 kepada RM5,000 x 12 bulan berjumlah RM60,000.

(c) Terhadap kos penjagaan dibenarkan pada kadar RM500 sebulan untuk 12 bulan berjumlah RM6,000.

(d) Terhadap 'head injury' award oleh hakim sesyen berjumlah RM20,000 dikekalkan dan rayuan responden untuk jumlah RM10,000 ditolak.

(e) Terhadap 'upper cervical injury' award oleh hakim sesyen berjumlah RM25,000 dipinda kepada RM15,000 dan rayuan responden untuk jumlah RM15,000 dibenarkan.

[52] Rayuan perayu terhadap liabiliti ditolak dan sebahagian rayuan

terhadap kuantum dibenarkan. Rayuan balas responden terhadap liabiliti juga ditolak dan sebahagian kuantum dibenarkan. Kos rayuan ini ditanggung masing-masing oleh pihak-pihak.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum